Amalan & Zikir Sebelum Tidur

Adlan Abd. Aziz

PENDAHULUAN

Saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT di atas anugerahNya buku ini dapat disiapkan. Buku ini merupakan salah satu sumbangan saya yang tidak seberapa dengan niat mendekatkan lagi para pembaca dengan hadith-hadith nabawi yang mengandungi pelbagai pengajaran dan manfaat.

Buku ini mengumpulkan dengan padat dan ringkas hadith-hadith nabawi juga amalan sahabat yang membawa amalan berbentuk doa dan bacaan zikir sebelum kita melelapkan mata pada waktu malam. Di waktu yang tenang dan sebelum kita menikmati salah satu kurniaan Allah SWT iaitu tidur yang nyenyak, terdapat saranan-saranan daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang menganjurkan kita membaca beberapa bacaan, doa bahkan beberapa ayat dari Al-Quran. Kesemuanya ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menjadikan hidup kita sentiasa dipenuhi keberkatan dan kita sentiasa ingat pada Allah SWT walaupun di waktu kita ingin tidur.

Di dalam buku ini saya kumpulkan zikir, doa dan segala saranan untuk dibaca setiap kali sebelum tidur dan saya susun dengan cara berikut untuk manfaat semua:

1- Setiap doa dan zikir juga hadith dibariskan dengan lengkap agar mudah untuk dibaca dan diamalkan.
2- Setiap doa dan zikir diberikan maksudnya secara lengkap agar kita dapat bersama menghayati maknanya.
3- Setiap hadith diberikan maklumat yang sewajarnya berkaitan periwayatnya dan sumbernya.
4- Saya meletakkan ayat dan surah tertentu yang digalakkan membacanya secara lengkap kecuali surah al-Isra', al-Zumar, al-Sajdah, al-Mulk dan surah-surah "al-musabbihaat" kerana surah-surah ini agak panjang .
5- Buku ini dicetak dengan saiz yang sesuai dibawa ke mana-mana terutama untuk membacanya sebelum tidur.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada

sahabat saya Ustaz Hamdi Abd. Hamid di atas panduan serta kritikan membina beliau dalam menjadikan buku ini satu realiti.

Sekalung penghargaan juga kepada sahabat saya Ustaz Anwaruddin yang sudi menyemak dan memberikan pandangan berguna dan ilmiah sehingga lahirlah buku ini dalam bentuk yang baik, Alhamdulillah.

Amat besar harapan saya agar para pembaca beroleh kebaikan dan manfaat melalui buku ringkas ini. Saya cuma memohon jasa baik para pembaca agar mendoakan penulis buku ini agar diberikan keberkatan dan kebaikan di dunia dan akhirat.

Adlan Abd. Aziz
Muharram 1432H
Disember 2010M

ULASAN PENYEMAK

Oleh : Ust. Muhammad. Anwaruddin Bin Abd. Wahab

Segala puji hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas nabi terakhir dan junjungan besar; Nabi Muhammad, keluarga baginda yang mulia dan para Sahabat RA.

Buku kecil ini menghimpunkan secara terpilih dan ringkas tentang bacaan beberapa surah dan ayat-ayat al-Quran, doa, zikir dan adab-adab tidur yang terdapat dalam hadith-hadith Nabi SAW. Sebenarnya para ulama di kalangan ahli hadith telah pun menghimpunkan tajuk ini dalam karya mereka yang dikhususkan untuk amalan siang dan malam seperti al-Imam al-Nasa'ie (303H) dan Ibnu al-Sunni (364H) - kedua-duanya mempunyai karya dengan judul yang sama iaitu "*Amal al-Yawm Wa al-Lailah*" (Amalan Siang Dan Malam).

Hal ini menunjukkan Islam sangat menitikberatkan ingatan terhadap Allah Yang Maha Agung, melakukan amalanan-amalan soleh dan

memohon keampunan dan keberkatan dari-Nya setiap masa sekali pun ketika hendak tidur.

Kebanyakan karya-karya masyhur tentang hadith-hadith amalan nabawi harian ini seperti karya *al-Nasa'ie*, *Ibnu al-Sunni*, kitab *al-Azkar* oleh al-Imam al-Nawawi (676H), kitab *al-Kalim al-Toyyib* oleh Ibnu Taimiah (728H), kitab *Uddatul Hisn al-Hasin* Oleh al-Jaziri (838H), mencakupi semua keadaan dan tidak hanya sebelum tidur.

Namun pada kali ini buku kecil ini memilih untuk mengetengahkan kepada umum pilihan zikir dan amalan sebelum tidur dengan saiz yang mudah dibawa ke mana-mana agar tidak lagi menjadi halangan untuk mengamalkannya bagi yang tidak menghafalnya.

Buku ini mengandungi 32 hadith; iaitu 3 hadith tentang adab nabawi ketika hendak tidur serta 29 hadith yang menganjurkan bacaan surah dan ayat-ayat al-Quran, doa dan zikir.

Hampir semua hadith-hadith yang terkandung dalam buku ini adalah berstatus SAHIH,

namun para ahli hadith di kurun Salaf Soleh (sehingga kurun ke-3H) memberikan kelonggaran untuk meriwayat, mengguna dan menjadikan panduan adab, akhlak, kelembutan hati dan lain-lain, dari hadith yang berstatus DHAIF (LEMAH) selagi ia tidak berkaitan dengan hukum hakam yang melibatkan HALAL dan HARAM, dengan syarat ia tidak disandarkan kepada Nabi SAW secara pasti. Semoga kehadiran buku kecil ini di kalangan masyarakat dapat membantu mengenali adab dan amalan Nabi SAW sebelum tidur yang dewasa ini kian dilupai oleh generasi masa kini.

Dan semoga dikurniakan oleh Allah kesempatan dan kelapangan untuk menghimpun dan menyusun hadith-hadith nabawi berkaitan adab dan amalan dalam keadaan yang lain pula. Amin. Sekian.

MUHAMMAD ANWARUDDIN BIN ABDUL WAHAB
Penasihat Jabatan Hadith al-ahkam.net (AAN)

SEBELUM ANDA MENGGUNAKAN BUKU INi

Amalan dan zikir yang dinyatakan serta dikumpulkan dalam buku ini merupakan apa yang diambil daripada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh imam-imam hadith terkemuka dalam buku-buku utama hadith. Terdapat beberapa maklumat yang wajar disedari bersama sebelum mengamalkan zikir dan amalan tersebut:

1 Amalan dan zikir yang dikumpulkan dalam buku ini bukanlah merupakan satu amalan atau perkara yang wajib dilakukan atau dibaca sebelum tidur. Namun begitu ia merupakan sesuatu yang amat digalakkan kerana ia mampu mengingatkan kita kepada Allah SWT dan menambahkan keberkatan dalam kehidupan. Lebih-lebih lagi ia bersumberkan daripada hadith-hadith nabawi.

2 Terpulang kepada pembaca sama ada untuk membaca dan mengamalkan semua amalan yang disenaraikan di sini atau memilih mana-mana doa yang mudah diamalkan. Pembaca juga boleh

membacanya secara berasingan dan berlainan pada setiap hari. Ini tidak menjadi sebarang kesalahan malah ia akan memudahkan kita untuk menghafaznya kerana dibaca secara sedikit demi sedikit.

3 Kebanyakan amalan dan zikir di dalam buku ini bersumberkan hadith-hadith yang sahih menurut penilaian ulama hadith zaman berzaman. Namun begitu terdapat juga amalan dan zikir yang bersumberkan hadith yang dhaif. Ini tidak menjadi masalah kerana ia masih boleh diamalkan sebagai zikir dan doa.

4 Setiap kali sesuatu amalan dan zikir itu disebut, akan dinyatakan bersamanya sumber amalan dan zikir itu daripada hadith. Contohnya dalam amalan pertama (iaitu mengambil wudhu' dengan sempurna) disebut selepasnya :

[Al-Bukhari – no.247, Muslim – no.7057] – ini bermaksud hadith ini terdapat di dalam buku Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Nombor yang dinyatakan pula adalah berdasarkan cetakan dan rujukan yang ditemui oleh penulis. Ia mungkin

berbeza mengikut cetakan dan terbitan yang berlainan.

5 Adalah dicadangkan agar pembaca meneliti dan cuba menghayati maksud dan makna setiap zikir sebagaimana disertakan di dalam buku ini untuk menambahkan lagi ilmu dan ganjaran daripada Allah SWT.

6 Di hujung buku ini saya sediakan lampiran ringkas tentang biodata Imam-Imam hadith yang disebutkan nama mereka di dalam buku ini. Tujuan saya ialah untuk memperkenalkan kepada sebahagian masyarakat yang masih belum tahu tentang diri para pengumpul hadith terkemuka dalam Islam yang telah banyak berjasa mengumpulkan hadith-hadith hingga kita dapat menatapnya hingga ke hari ini.

Selamat beramal !!!

AMALAN DAN ZIKIR SEBELUM TIDUR

AMALAN DAN ZIKIR SEBELUM TIDUR

1 Berwudhuk dengan sempurna.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ فَتَوَضَّأْ وُضُوءَكَ لِلصَّلاَةِ

Maksudnya:

Apabila kamu datang ke tempat tidurmu, berwudhu'lah sebagaimana wudhu' kamu untuk solat.

[Al-Bukhari – no.247, Muslim – no.7057]

2 Berbaring di atas bahagian kanan badan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ فَتَوَضَّأْ وُضُوءَكَ لِلصَّلاَةِ ، ثُمَّ اضْطَجِعْ عَلَى شِقِّكَ الأَيْمَنِ

Maksudnya:

Apabila kamu datang ke tempat tidurmu, berwudhu'lah sebagaimana wudhu' kamu untuk solat, kemudian berbaringlah di atas bahagian kananmu.

[Al-Bukhari, no.247, Muslim – no.7057]

3 Meletakkan tangan di bawah pipi.

Menurut seorang sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Hudzaifah Bin al-Yaman:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَخَذَ مَضْجَعَهُ مِنَ اللَّيْلِ وَضَعَ يَدَهُ تَحْتَ خَدِّهِ

Maksudnya:

Nabi s.a.w. ketika ingin tidur pada waktu malam meletakkan tangannya di bawah pipinya.

[Al-Bukhari – no. 6043]

4 Membaca:

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوْتُ وَأَحْيَا

Maksudnya:

Dengan nama-Mu wahai Allah, aku mati dan aku hidup

[Al-Bukhari – no.6324]

5 Membaca:

سُبْحَانَ اللهِ (٣٣)

"Maha suci Allah" 33 kali

الْحَمْدُ لله (٣٣)

"Segala pujian hanya bagi Allah" 33 kali

اللهُ أَكْبَرُ (٣٣)

"Allah Maha Besar" 33 kali

[Al-Bukhari – no.3113, Muslim – no. 7090]

6 Membaca:

باسْمِكَ رَبِّ وَضَعْتُ جَنْبِي ، وَبِكَ أَرْفَعُهُ ، إِنْ أَمْسَكْتَ نَفْسِي فَارْحَمْهَا ، وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا فَاحْفَظْهَا بِمَا تَحْفَظُ بِهِ الصَّالِحِينَ

Maksudnya:

Dengan nama-Mu wahai Tuhanku, aku meletakkan lambung tubuhku, dan dengan nama-Mu aku mengangkatnya. Jika Engkau menahan jiwaku (mematikannya) maka rahmatilah ia. Dan jika Engkau melepaskannya (masih memberinya nyawa) maka peliharalah ia dengan apa yang Engkau pelihara dengannya hamba-hamba-Mu yang soleh.

[Al-Bukhari – no.6320, Muslim – no.7067]

7 Membaca tiga surah berikut dan selepas itu tiupkan di kedua tapak tangan. Seterusnya sapu dan sentuh keseluruhan badan sebanyak 3 kali.

[Al-Bukhari – no. 5017]

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ
وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

Maksudnya:

Katakanlah: «Dialah Allah, yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan, Dan tidak ada seorang pun yang setara denganNya.»

[Surah al-Ikhlas, ayat 1-4]

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾ مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾
وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِن شَرِّ
ٱلنَّفَّـٰثَـٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا
حَسَدَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Katakanlah: «Aku berlindung kepada Tuhan yang menguasai subuh, dari kejahatan makhlukNya, dan dari kejahatan malam apabila telah gelap, dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada simpulan-simpulan, dan dari kejahatan pendengki bila ia dengki.»

[Surah al-Falaq, ayat 1-5]

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ۝١ مَلِكِ ٱلنَّاسِ ۝٢ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ۝٣ مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ ۝٤ ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ۝٥ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ۝٦

Maksudnya:

Katakanlah: «Aku berlindung kepada Tuhan (yang memelihara dan menguasai) manusia. Raja manusia. Sembahan manusia. Dari kejahatan (bisikan) syaitan yang biasa bersembunyi, yang membisikkan (kejahatan) ke dalam dada manusia, dari (golongan) jin dan manusia. Dari (golongan) jin dan manusia.

[Surah al-Naas, ayat 1-6]

8 Membaca dua ayat terakhir Surah al-Baqarah.

[Al-Bukhari – 4008, Muslim – no.1914]

ءَامَنَ ٱلرَّسُولُ بِمَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مِن رَّبِّهِۦ
وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ ۚ كُلٌّ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَمَلَٰٓئِكَتِهِۦ
وَكُتُبِهِۦ وَرُسُلِهِۦ لَا نُفَرِّقُ بَيۡنَ أَحَدٖ مِّن
رُّسُلِهِۦ ۚ وَقَالُواْ سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَا ۖ غُفۡرَانَكَ رَبَّنَا
وَإِلَيۡكَ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا
وُسۡعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتۡ وَعَلَيۡهَا مَا ٱكۡتَسَبَتۡ ۗ
رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذۡنَآ إِن نَّسِينَآ أَوۡ أَخۡطَأۡنَا ۚ رَبَّنَا
وَلَا تَحۡمِلۡ عَلَيۡنَآ إِصۡرٗا كَمَا حَمَلۡتَهُۥ عَلَى
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلۡنَا مَا لَا
طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعۡفُ عَنَّا وَٱغۡفِرۡ لَنَا وَٱرۡحَمۡنَآ

أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ

ٱلْكَٰفِرِينَ ٢٨٦

Maksudnya:

Rasul telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. (mereka mengatakan): «Kami tidak membezakan antara seorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasulNya», dan mereka mengatakan: «kami dengar dan kami taat.» (mereka berdoa): «Ampunilah kami wahai Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali.» Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa): «wahai Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. wahai Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana

Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kepada kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.»

[Surah al-Baqarah, ayat 285-286]

9 Membaca surah al-Isra' (surah ke 17) dan surah al-Zumar (surah ke 39).

[Al-Tirmidzi – no.3734]

10 Membaca ayat al-Kursi iaitu ayat 255 dari surah al-Baqarah.

[Al-Bukhari – no.2311]

ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى
ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا
يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ
كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Maksudnya:

Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhlukNya); tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi. tiada yang dapat memberi syafa>at di sisi Allah tanpa izinNya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.

[Surah al-Baqarah, ayat 255]

11 Membaca surah al-Mulk (surah ke 67) dan Surah al-Sajdah (surah ke 32).

[Al-Tirmidzi – no.3135]

12 Membaca surah-surah yang bermula dengan سَبَّحَ لِلَّهِ atau يُسَبِّحُ لِلَّهِ . Surah-surah ini dikenali dengan nama al-Musabbihaat – الْمُسَبِّحَاتُ iaitu:

a) Al-Hadid (Surah ke 57)
b) Al-Hasyr (Surah ke 59)
c) Al-Saff (Surah ke 61)
d) Al-Jumu'ah (Surah ke 62)
e) Al-Taghabun (Surah ke 64)

[Abu Daud – no. 5059, al-Tirmidzi – no. 3171]

13 Membaca surah al-Kafirun.

[Abu Daud – no.5057, al-Tirmidzi – no.3731]

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾ لَآ أَعْبُدُ مَا
تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾

وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾ وَلَآ أَنتُمْ عَـٰبِدُونَ

مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Katakanlah: «Wahai orang-orang kafir, Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang Aku sembah. Dan Aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah, Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang Aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukkulah agamaku.»

[Surah al-Kaafirun, ayat 1-6]

14 Membaca:

اللَّهُمَّ خلقْتَ نَفْسِيْ وَأَنْتَ توَفَّاهَا لَك مَمَاتُهَا
وَمَحْيَاهَا إِنْ أَحْيَيْتَهَا فَاحْفَظْهَا وَإِنْ أَمَتَّهَا فَاغْفِرْ
لَهَا اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, Engkau telah mencipta jiwaku, dan Engkaulah yang mematikannya. Untukmu hidupnya dan matinya. Jika Engkau hidupkan ia, peliharalah ia. Dan jika Engkau matikannya, maka ampunkanlah ia. Wahai Tuhan, aku memohon kepada-Mu sihat afiat.

[Muslim – no.7063]

15 Membaca Surah al-Fatihah dan Surah al-Ikhlas.

[Al-Bazzar– no.7393]

* Terdapat juga riwayat yang menyuruh membaca surah al-Ikhlas sebanyak 100 kali.

[Al-Tirmidzi – no.3144]

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ
يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ

عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ۝٧

Maksudnya:

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Yang menguasai di hari Pembalasan. Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus, (yaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.

[Al-Fatihah, ayat 1-7]

قُلۡ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمۡ يَلِدۡ

وَلَمۡ يُولَدۡ ۝٣ وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ۝٤

Maksudnya:

Katakanlah: «Dialah Allah, yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan,Dan tidak ada seorang pun yang setara denganNya.»

[Surah al-Ikhlas, ayat 1-4]

16 Membaca sebanyak 3 kali:

أَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ الَّذِيْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْحَيَّ الْقَيُّومَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

Maksudnya:

Aku memohon ampun daripada Allah yang Maha Agung, yang tiada tuhan melainkan Dia, yang Maha Hidup dan tidak memerlukan sesiapa. Dan aku bertaubat kepadaNya.

[Al-Tirmidzi – no.3725]

17- Membaca:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِيْ كَفَانِيْ وَآوَانِيْ وَأَطْعَمَنِيْ وَسَقَانِيْ وَالَّذِيْ مَنَّ عَلَيَّ فَأَفْضَلَ وَالَّذِيْ أَعْطَانِيْ

فَأَجْزَلَ الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ اللَّهُمَّ رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ وَإِلَهَ كُلِّ شَيْءٍ أَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

Segala pujian hanya bagi Allah, Tuhan yang telah mencukupkan untukku, melindungiku, memberi makan kepadaku, memberi minum kepadaku, dan Tuhan yang telah memberi anugerah kepadaku lalu melebihkannya, memberi kurnia kepadaku lalu menambahkannya. Segala pujian hanya bagi Allah di atas setiap keadaan. Wahai Tuhan, pencipta setiap sesuatu dan pemiliknya, Tuhan setiap sesuatu. Aku mohon berlindung dengan-Mu daripada api neraka.

[Abu Daud – no.5060]

18- Membaca:

اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِي وَشَرِّ الشَّيْطَانِ

وَشِرْكِهِ

Maksudnya:

Wahai Tuhan Pencipta langit-langit dan bumi, yang mengetahui perkara ghaib dan nyata, Tuhan setiap sesuatu dan pemiliknya, aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Engkau. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan diriku dan kejahatan syaitan serta amalan syiriknya.

[Abu Daud – no.5069, al-Tirmidzi – no.3720]

19 Membaca:

آمَنْتُ بِاللهِ وَكَفَرْتُ بِالطَّاغُوتِ ، اللهُ حَقٌّ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوذُبِكَ مِنْ طَوَارِقِ اللَّيْلِ إِلاَّ طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَيْرٍ

Maksudnya:

Aku beriman dengan Allah dan aku ingkar dengan Taghut, Allah itu benar dan benarlah para Rasul. Wahai Tuhan sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada apa-apa yang datang pada waktu malam, kecuali apa yang datang membawa kebaikan.

[Al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir – no.3454]

20 Membaca:

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ وَرَبَّ الأَرْضِ وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى وَمُنْزِلَ التَّوْرَاةِ وَالإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ اللَّهُمَّ أَنْتَ الأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ اقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ وَأَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, Pencipta semua langit dan Pencipta bumi, Pencipta arasy yang agung, Pencipta kami dan Pencipta setiap sesuatu. Tuhan yang menumbuhkan biji dan benih, yang menurunkan Taurat, Injil dan al-Furqan (Al-Quran), aku berlindung denganmu dari kejahatan setiap sesuatu yang Engkau miliki jiwanya. Wahai Tuhan Engkaulah Yang Maha Awal, tiada sesuatu pun

sebelum-Mu. Engkaulah Yang Maha Akhir, tiada sesuatu pun selepas-Mu. Engkaulah Yang Maha Zahir, tiada sesuatu pun di atas-Mu. Engkaulah Yang Maha Batin, tiada sesuatu pun di sebalik-Mu. Selesaikanlah hutang kami dan kayakanlah kami dari kefakiran.

[Muslim – no. 7064]

21 Membaca:

اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ أَنْتَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكُهُ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ وَحْدَكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ نَفْسِيْ وَشَرِّ الشَّيْطَانِ وَشِرْكِهِ وَأَنْ أَقْتَرِفَ عَلَى نَفْسِيْ سُوْءاً أَوْ أَجُرَّهُ إِلَى مُسْلِمٍ

Maksudnya:

Wahai Tuhan Pencipta semua langit dan bumi, yang mengetahui apa yang ghaib dan nyata, Pencipta setiap sesuatu dan Pemiliknya. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Engkau semata-

mata. Tiada sekutu bagi-Mu. Dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu hamba-Mu dan Rasul-Mu. Aku berlindung dengan-Mu dari kejahatan diriku dan kejahatan syaitan serta amalan syiriknya. Dan aku berlindung dari melakukan kejahatan ke atas diriku atau membawanya kepada seorang muslim.

[Al-Tirmidzi – no.3873]

22 Membaca:

بِاسْمِكَ رَبِّيْ وَضَعْتُ جَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ ذَنْبِيْ

Maksudnya:

Dengan Nama-Mu Tuhanku, aku meletakkan lambung tubuhku. Maka ampunkanlah dosaku.

[Ahmad – no.6779]

23 Membaca:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَكَفَانَا وَآوَانَا
فَكَمْ مِمَّنْ لاَ كَافِيَ لَهُ وَلاَ مُئْوِيَ

Maksudnya:

Segala pujian bagi Allah yang telah memberikan kami makanan, memberi kami minum, mencukupkan kami dan melindungi kami. Betapa ramai yang tiada yang mencukupkan dan tiada pelindung.

[Muslim – no.7069]

24 Membaca:

اللَّهُمَّ أَسْلَمْتُ وَجْهِي إِلَيْكَ ، وَفَوَّضْتُ أَمْرِي
إِلَيْكَ ، وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي إِلَيْكَ ، رَغْبَةً وَرَهْبَةً
إِلَيْكَ ، لاَ مَلْجَأَ وَلاَ مَنْجَا مِنْكَ إِلاَّ إِلَيْكَ ، اللَّهُمَّ
آمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِي أَنْزَلْتَ ، وَبِنَبِيِّكَ الَّذِي
أَرْسَلْتَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, aku menyerahkan diriku kepada-Mu, dan aku mengembalikan urusanku kepada-Mu, dan aku menggantungkan harapanku kepada-Mu, dengan harapan dan ketakutan kepada-Mu, tidak ada tempat bergantung dan tiada tempat memohon keselamatan kecuali hanya pada-Mu, wahai Tuhan, aku beriman dengan kitab-Mu yang Engkau turunkan, dan dengan Nabi-Mu yang

Engkau utuskan.

[Al-Bukhari – no.247, Muslim – no.7057]

25 Membaca:

اللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, lindungilah aku dari azab-Mu pada hari Engkau bangkitkan hamba-hamba-Mu.

[Abu Daud – no.5047]

26 Membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِوَجْهِكَ الْكَرِيمِ وَكَلِمَاتِكَ التَّامَّةِ مِنْ شَرِّ مَا أَنْتَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهِ اللَّهُمَّ أَنْتَ تَكْشِفُ الْمَغْرَمَ وَالْمَأْثَمَ اللَّهُمَّ لَا يُهْزَمُ جُنْدُكَ وَلَا يُخْلَفُ وَعْدُكَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, aku berlindung dengan-Mu Yang

Maha Mulia, dan dengan kalimah-kalimah-Mu yang sempurna, daripada kejahatan sesuatu yang Engkau kuasai jiwanya. Wahai Tuhan, Engkau yang menghilangkan hutang dan dosa. Wahai Tuhan, tentera-Mu tidak akan kalah, janji-Mu tidak pernah dimungkiri. Dan tiadalah kekayaan orang yang kaya bermanfaat di sisi-Mu. Maha Suci Engkau dan segala puji hanya untuk-Mu.

[Abu Daud – no. 5054]

27 Membaca:

بِسْمِ اللّٰهِ وَضَعْتُ جَنْبِيْ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ ذَنْبِيْ وَأَخْسِئْ شَيْطَانِيْ وَفُكَّ رِهَانِيْ وَاجْعَلْنِيْ فِيْ النَّدِيِّ الأَعْلَى

Maksudnya:

Dengan nama Allah aku meletakkan lambung tubuhku. Wahai Tuhan, ampunkanlah untukku dosa-dosaku, dan hinakanlah syaitan yang mengganggu diriku, dan bebaskanlah kurunganku, dan jadikanlah aku dalam kalangan orang-orang yang mulia.

[Abu Daud – no. 5056]

28 Membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ وُلُوعًا وَمِنَ الْجُوعِ ضَجِيْعًا

Maksudnya:

Wahai Tuhan, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan itu menjadi jalan, dan daripada kelaparan menjadi teman tidur.

[Al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Saghir – no.896]

29 Membaca:

اللَّهُمَّ تَجَاوَزْ عَنْ سَيِّئَاتِيْ وَاعْذُرْنِيْ بِعِلاَّتِيْ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, ampunkanlah kesalahan-kesalahanku, berikanlah kemaafan di atas kesilapan-kesilapanku.

[Al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir – no.1009]

30 Membaca:

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ وَضَعْتُ جَنْبِيْ ، طَهِّرْ قَلْبِيْ ، طَيِّبْ

كَسْبِيْ ، اِغْفِرْ ذَنْبِيْ

Maksudnya:

Dengan nama-Mu wahai Tuhan aku meletakkan lambung tubuhku, sucikanlah hatiku, bersihkanlah hasil usahaku, ampunkanlah dosaku.

[Ibn al-Sunni – no. 709]

31 Membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُ بِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ ، وَأَعُوْذُ
بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ ، اللَّهُمَّ
لَا أَسْتَطِيعُ ثَنَاءً عَلَيْكَ وَلَوْ حَرَصْتُ وَلَكِنْ أَنْتَ
كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan, sesungguhnya aku berlindung dengan pengampunan-Mu dari hukuman-Mu, dan aku berlindung dengan keredhaan-Mu daripada kemurkaan-Mu, dan aku berlindung dengan-Mu dari siksa-Mu. Wahai Tuhan, aku tidak mampu untuk benar-benar memuji-Mu walaupun aku bersungguh, tetapi Engkau adalah seperti apa

yang Engkau puji terhadap Zat-Mu.

[al-Nasaai dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah – no.891]

32- Membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ ، وَلَهُ الْحَمْدُ ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ، وَسُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ للهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ

Maksudnya:

Tidak ada Tuhan melainkan Allah semata-mata, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya segala pemerintahan dan bagi-Nya juga segala pujian. Dan Dia berkuasa atas setiap perkara. Maha Suci Allah, dan segala puji hanya bagi Allah dan tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar.

[Ibnu Hibban – no.5528]

BIODATA RINGKAS IMAM-IMAM PENGUMPUL HADITH

1 Al- Bukhari :

Nama penuhnya ialah Muhammad Bin Ismail. Dilahirkan di Bukhara pada 194H dan meninggal pada 256H. Di antara karya terkemuka beliau ialah Sahih al-Bukhari dan al-Adab al-Mufrad.

2 Muslim :

Nama penuhnya ialah Muslim Bin al-Hajjaj. Berasal dari Khurasan (Iran). Dilahirkan pada 204H dan meninggal pada 261H. Di antara karyanya yang terkenal ialah Sahih Muslim dan al-Tamyiz.

3 Abu Daud:

Nama penuhnya ialah Sulaiman Bin al-Asy'ath. Dilahirkan pada 202H dan meninggal pada 275H. Beliau dikenali dengan buku-buku seperti Sunan Abu Daud.

4 Al-Tirmidzi:

Nama penuhnya ialah Muhammad Bin Isa.

Dilahirkan di Tirmidz. Lahir pada tahun 209H dan meninggal pada 279H. Buku-buku beliau yang terkenal ialah seperti Jami' al-Tirmidzi (Sunan al-Tirmidzi) dan al-Ilal al-Kabir.

5 Al-Nasaai:

Nama penuhnya ialah Ahmad Bin Syuaib. Dilahirkan pada 215H dan meninggal pada tahun 303H. Di antara karyanya yang terkenal ialah Sunan al-Nasaai dan Fadhail al-Sahabah.

6 Ahmad:

Nama penuhnya Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. Imam terkemuka yang terkenal sebagai imam utama dan pengasas mazhab Hanbali. Berasal dari Iraq, dilahirkan pada 164H dan meninggal pada 241H. Mempunyai banyak buku yang terkenal seperti Musnad Ahmad dan al-Ilal.

7 Al-Tabarani:

Nama penuhnya ialah Sulaiman Bin Ahmad. Berasal dari Palestin, dilahirkan pada 260H

dan meninggal pada tahun 360H. Di antaranya hasil karyanya yang terkemuka ialah 3 Mu'jam iaitu : al-Mu'jam al-Saghir, al-Mu'jam al-Awsat dan al-Mu'jam al-Kabir dan juga buku lain seperti al-Duaa'.

8 Ibn al-Sunni:

Nama penuhnya Ahmad Bin Muhammad. Dilahirkan pada 280H dan meninggal pada 364H. Merupakan di antara murid terkenal Imam al-Nasaai. Buku beliau yang terkenal ialah Amal al-Yaum wa al-Lailah.

9 Ibn Hibban:

Nama penuhnya ialah Muhammad Bin Hibban, gelarannya ialah Abu Hatim. Dilahirkan sekitar tahun 270H dan meninggal pada 354H. Di antara bukunya yang terkenal ialah Sahih Ibn Hibban, al-Thiqaat dan lain-lain.

10 Al-Bazzar:

Nama penuh beliau ialah Ahmad Bin Amr, digelar al-Bazzar. Meninggal pada tahun 292H. Di antara bukunya yang terkenal ialah Musnad al-Bazzar.

SUMBER RUJUKAN UTAMA

1 Al-Quran al-Karim.
2 Al-Adzkaar – Imam al-Nawawi.
3 Al-Ikhbar Bi Ma La Yasihhu Min Ahadith al-Adzkar Zakariyya Ghulam Qadir al-Bakistani.
4 Fiqh al-Dalil – Dr. A'idh al-Qarni.
5 Hisnu al-Muslim – Dr. Sa'id Bin Ali al-Qahtani.
6 Jami' al-Tirmidzi.
7 Sahih al-Bukhari.
8 Sahih Muslim.
9 Sunan Abu Daud.
10 Sunan al-Nasaai.
11 Tadwin al-Sunnah – Dr. Muhammad al-Zahrani.
12 Tuhfat al-Dzaakirin – Imam al-Syaukani.

- Lahir di Kota Sarang Semut, Pendang, Kedah.
- Pendidikan Menengah : SMK Agama Kedah, Mergong.
- Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab, Universiti Al al-Bayt, Jordan.
- Bertugas dalam bidang pendidikan sejak 2003.
- Buku-buku yang pernah dihasilkan:
  - 20 Persoalan Asas Tentang Hadis,
  - Zikir & Doa Rasulullah s.a.w. Selepas Solat,
  - Ramadhan & Rasulullah s.a.w.,
  - Kamus Bahasa Arab PMR,
  - 10 Tonggak Remaja Hebat.
- Panel di radio IKIM.fm dan juga program 'Tanyalah Ustaz' di Tv9.
- Panel di www.al-ahkam.net & pemudaiman.blogspot.com
- Boleh dihubungi di alitantawi.blogspot.com

Amalan & Zikir Sebelum Tidur

Buku ini mengumpulkan dengan padat dan ringkas hadith-hadith nabawi juga amalan sahabat yang membawa amalan berbentuk doa dan bacaan zikir sebelum kita melelapkan mata pada waktu malam. Di waktu yang tenang dan sebelum kita menikmati salah satu kurniaan Allah SWT iaitu tidur yang nyenyak, terdapat saranan-saranan daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang menganjurkan kita membaca beberapa bacaan, doa bahkan beberapa ayat dari Al-Quran. Kesemuanya ini tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menjadikan hidup kita sentiasa dipenuhi keberkatan dan kita sentiasa ingat pada Allah SWT walaupun di waktu kita ingin tidur.

Di dalam buku ini penulis mengumpulkan zikir, doa dan segala saranan untuk dibaca setiap kali sebelum tidur dan disusun dengan cara tersendiri untuk manfaat semua, insya Allah.

ISBN 978-967-5503-21-4



Sem : RM 5.00
Sbh/Srwk : RM 6.00